

Bah beransur surut

Tidak perlu isytihar darurat, hujan diramal tidak lebat mulai semalam hingga Ahad

PUTRAJAYA: Keadaan banjir buruk yang melanda Johor ketika ini tidak memerlukan negeri itu diisytiharkan darurat kerana Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan keadaan cuaca bertambah baik mulai semalam hingga hujung minggu ini (Ahad) di Semenanjung Malaysia.

Ini kerana tiupan angin monsun di Laut China Selatan semakin perlahan menuju ke daratan dan menyebabkan hujan diramal tidak lebat atau sekejap-sekejap.

Malah, pembenihan hujan bertujuan mengalihkan hujan dari kawasan daratan ke tengah laut juga sedang dilaksanakan dengan kerjasama pusat operasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menggunakan pesawat C-130.

Pengarah Direktorat Pengurusan Krisis dan Bencana Bahagian Keselamatan Negara (BKN), Che Moin Umar, berkata ketika ini, pihaknya menggunakan penanda aras taburan hujan melebihi 100 milimeter (ml) untuk tempoh dua hari berturut-turut untuk meramalkan kemungkinan berlakunya banjir di Johor.

Bagaimanapun, taburan hujan di Johor diramal tidak melebihi 100 ml tetapi di Sabah hujan diramalkan



TENGGELAM...Jeti Pengkalan Kota di Sungai Johor masih ditenggelami air.

berterusan dan BKN sudah mengeluarkan tanda merah bagi negeri itu.

Beliau yang mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Bencana Banjir, berkata BKN turut memutuskan agar Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dilantik sebagai badan induk untuk menyelaraskan data mengenai tahap ketahanan empangan di semua negeri khususnya di Johor.

“Ketika ini, ada enam empangan di Johor dengan tiga di bawah kawalan JPS manakala selebihnya diuruskan Syarikat Air Johor (SAJ).”

“Kita mahu JPS mendapatkan maklumat mengenai semua empangan tidak kira sama ada dimiliki Tenaga Nasional Berhad atau kera-

jaan negeri dan mahu semua agensi kerajaan negeri memberikan kerjasama menyalurkan maklumat mengenai situasi terkini empangan masing-masing,” katanya pada sidang media di BKN di sini, semalam.

Mengenai keadaan terkini mangsa banjir, beliau berkata, jumlah mangsa banjir yang dipindahkan di Batu Pahat meningkat kepada 42,691 berbanding 39,032 mangsa manakala di Kota Tinggi meningkat daripada 14,206 kepada 14,281 mangsa.

Beliau berkata, setakat pagi semalam, sejumlah kira-kira 91,000 mangsa banjir dipindahkan di Johor berbanding 103,577 petang kelmarin membabitkan 286 pusat pe-

mindahan di seluruh negeri itu.

Di Sabah seramai 887 mangsa dipindahkan membabitkan 13 pusat pemindahan dan 3,933 mangsa di Pahang dengan 14 pusat pemindahan.

“Kita menjangkakan keadaan banjir di beberapa daerah di Johor akan beransur pulih dan jika keadaan cuaca bertambah baik dengan kurangnya taburan hujan hingga hujung minggu ini, saya fikir jumlah mangsa banjir dapat dikurangkan.”

“Bagaimanapun, keadaan banjir di Batu Pahat akan mengambil masa antara dua hingga tiga minggu untuk pulih berikutan paras air di daerah itu masih meningkat berikutan berlakunya banjir

kali kedua selepas banjir pertama bulan lalu,” katanya.

Setakat ini, jumlah anggotanya daripada agensi kerajaan yang terbabit dalam pengurusan banjir adalah mencukupi.

Sementara itu, katanya BKN turut membahagikan tiga bidang pengkhususan yang boleh dijadikan sebagai rujukan kepada mana-mana sukarelawan berminat membantu mangsa banjir di negeri itu.

Che Moin berkata, bagi bidang menyelamat, mereka yang mahir dalam bidang berkenaan dan memiliki peralatan boleh mendaftar dengan mana-mana Ibu Pejabat Polis Daerah untuk diselaraskan tindakan serta operasi.